

UTUSAN MALAYSIA – 24 FEBRUARI 2010

Remaja merempat, salah siapa?

Oleh HAMDEN RAMLI
pengarang@utusan.com.my

"TEMPAT tidur kami sekitar Masjid India, Daya Bumi, Stesen Bas Klang dan Bukit Nenas. Untuk makan, kami akan pergi ke gereja yang ada menyediakan makanan percuma.

Begitulah antara pengakuan Apai John, 33, salah seorang belia Sabah yang mendakwa hidup merempat di Kuala Lumpur ketika di wawancara wartawan akhbar tempatan baru-baru ini.

Ada pelbagai kisah yang membawa kepada remaja-remaja tersebut merempat di jalanan. Ramai daripada mereka mengaku ditipu ejen pencari pekerjaan dan majikan masing-masing.

Sesetengah pula memberikan alasan mengikut kawan. Kisah kejayaan kawan-kawan, keseronokan dan kebebasan hidup di ibu kota mendorong mereka untuk mencuba nasib. Bagaimanapun ada yang gagal dan akhirnya berakhir di jalanan.

Pada masa ini tidak ada satu pun alasan ataupun fakta tepat menyebabkan masalah tersebut terjadi. Tidak kurang juga ada yang berpendapat ini adalah fenomena biasa atau dalam bahasa mudah, remaja yang sengaja cari fasal.

Persoalannya kenapa Apai tidak mahu balik ke kampung, sebaliknya mahu kekal hidup seperti itu selama hampir lima tahun? Adakah dia memang nekad memilih kehidupan seperti itu?

Seorang rakan mempersoalkan, dalam tempoh lima tahun adalah mustahil dia yang ada pengalaman kerja sebagai pengawal keselamatan, pekerja kontrak dan kilang tidak tahu dan tidak mampu mencari wang tambang untuk pulang ke kampung. Lebih-lebih lagi dengan adanya syarikat penerbangan AirAsia, tambang dilihat bukan isu besar.

Namun apa pun punca dan keraguan, masalah itu tidak boleh diketepikan kerana kemungkinan ada remaja itu benar-benar menjadi mangsa penipuan adalah berasas.

Desakan hidup di kampung dan keinginan untuk mengubah hidup keluarga menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan janji dan peluang yang ditaburkan oleh ejen-ejen tidak bertanggungjawab.

Masalah itu perlu diselesaikan segera kerana kesannya cukup besar jika dibiarkan terus berlaku. Selain soal kebajikan dan keselamatan remaja terbabit, masalah itu juga boleh mendorong mereka kepada jenayah. Lebih membimbangkan adalah soal akidah remaja Islam.

Sehubungan itu, isu orang tiada rumah atau remaja berpeleseran perlu diambil serius oleh pihak berkuasa Islam termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam kerana apa yang pasti bukan remaja dari Sabah sahaja yang menghadapi masalah sama.

Mungkin Menteri yang bertanggungjawab sama ada di peringkat persekutuan dan negeri boleh melakukan tinjauan atau walkabout pada tengah malam atau awal pagi bagi mencari kebenaran masalah itu.

Di peringkat negeri Sabah, gesaan supaya fungsi Rumah Sabah di Jalan Ampang, Kuala Lumpur distruktur semula perlu diambil serius kerana ia boleh menjadi medan kepada mangsa yang benar-benar ditipu mengadu nasib dan mencari perlindungan sementara.

Selain itu, pada masa yang sama, ia memberi peluang kepada pihak berkuasa mengumpul maklumat bagi membolehkan pihak yang bertanggungjawab menipu remaja terbabit dikenakan tindakan.

Jaminan Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman bahawa akan ada pekerjaan menanti remaja Sabah merempat jika mereka sanggup pulang ke negeri itu wajar disambut positif dan tidak perlu difikir dua kali.

Jika jaminan daripada seorang Ketua Menteri itu tidak diambil kisah dan mereka kekal memilih kehidupan seperti hari ini, justeru jangan salahkan sesiapa.

Penulis ialah Ketua Biro *Utusan Malaysia* di Kota Kinabalu, Sabah